

# Proton: Abdullah sedia bincang dengan Volkswagen

Um - 3/4/2007

**KUALA LUMPUR** 2 April - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini menyatakan kesediaannya menemui pegawai kanan Volkswagen AG (VW) bagi membincangkan mengenai cadangan menjalin hubungan strategik dengan Proton.

"Saya menunggu kedatangan ketuanya bagi membincangkan perkara itu, beliau telah membayangkan untuk berjumpa saya, mungkin bila-bila masa.

"Buat masa ini saya berada di Malaysia, tidak pergi ke luar negara," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Persidangan Ketua-Ketua Misi Malaysia, di sini hari ini.

Abdullah ditanya mengenai laporan bahawa beliau akan mengadakan pertemuan dengan pegawai kanan VW mengenai cadangan menjalin hubungan strategik dengan Proton.

Menurut Perdana Menteri, siri perbincangan dengan rakan kongsi strategik berpotensi hampir dimuktamadkan.

"Perundingan di peringkat pegawai hampir dimuktamadkan. Mereka harus membentangkan laporan penuh kepada saya.

"Tiada tempoh tamat ditetapkan bagi membincangkan mengenai rakan kongsi Proton, malah kami mahu ia dimuktamadkan secepat mungkin," katanya.

**Tiada tempoh tamat ditetapkan bagi membincangkan mengenai rakan kongsi Proton, malah kami mahu ia dimuktamadkan secepat mungkin**

**ABDULLAH AHMAD BADAWI**  
Perdana Menteri

Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop Jumaat lalu berkata, kerajaan tidak dapat mengumumkan nama rakan kongsi strategik Proton pada tarikh akhir seperti ditetapkan iaitu akhir Mac.

Abdullah turut ditanya mengenai perbincangan rakan strategik antara Pro-

ton dan General Motors Corporation (GM).

"Perkara ini terpulang kepada pihak Proton untuk buat keputusan. Jika perlu ada pertemuan dan perbincangan, mungkin kemudian mereka akan bincang," jelasnya.